

## PERKARA BURUH MENERBITKAN KESULITAN DAN KEKACAUAN DI SINGAPURA

*Trade Union Congress* Singapura telah menuntut kerajaan Singapura supaya mengadakan penyiataan terhadap kepada banyaknya orang-orang yang tidak ada pekerjaan di Singapura ini, dan bagaimana kesan-kesan yang terjadi dan sebabnya harus pula dipelajari dengan saksama supaya kelak banyaknya manusia di Singapura ini dapat ditampung dengan pekerjaan-pekerjaan yang diadakan oleh kerajaan dan negeri ini.

(oleh: Farid Wajdi)

Sedikit hari dahulu, akhbar Inggeris tempatan mengeluarkan suatu berita bahawa apabila ada sahaja iklan menghendaki orang-orang untuk bekerja sesebuah perusahaan maka permintaan menderu-deru datangnya sehingga dikatakan untuk suah<sup>1</sup> kerja kosong yang datang meminta seramai 1400 orang. Ada pula yang datang meminta kerja itu meminta apa jua kerja yang boleh didapatinya asakan<sup>2</sup> sahaja ada kerja dengan tidak mengira besar kecil gaji yang diterimanya.

Juga Menteri Perusahaan dan Perniagaan, Tuan A. R. Jombuhwi telah menyatakan ketidakpuas hatinya terhadap kepada modal-modal untuk mengadakan usaha-usaha di Singapura ini untuk mencukupi syarat-syarat usaha-usaha modal asing yang berhajat diadakan dengan dasar 50-50 dengan modal dari anak negeri.

Orang-orang yang membawa wangnya dari Indonesia pula tidak gemar untuk membuat perusahaan-perusahaan (*factory*) di Singapura ini. Mereka lebih suka membuat rumah-rumah sewa atau membuat rumah untuk jualan daripada mengadakan perusahaan yang boleh memberi kerja beratus-ratus orang itu.

Di sebalik itu pada bulan ini pula di Singapura harus akan dibawa pula suatu undang-undang yang menambah

lagi kebaikan-kebaikan kepada buruh iaitu tentang peraturan-peraturan yang akan mengenai hal-ehwal kesihatan buruh di dalam tempat perusahaannya - ertinya memberi lagi kebaikan kepada buruh yang bekerja di dalam tiap-tiap perusahaan sama ada yang kecil apa lagi di dalam perusahaan yang besar.

Inilah dia perkara-perkara yang timbul di Singapura ini semenjak beberapa bulan ini hingga sekarang, di dalam mana tiap-tiap perusahaan kecil khususnya masa sekarang mengeluh dan menjerit kerana kesulitan di dalam perniagannya - sulit mendapat bayaran daripada hutang-hutangnya; dan selain itu pula setiap hari dan setiap saat kita mendengar pula pemuda-pemuda yang kena tikam, curi dan rompak; setiap hari terdengar sehingga akhirnya polis Singapura mengadakan pula suatu hari meminta fikiran rakyat bagaimana jalannya hendak mengurangkan perkara-perkara jenayah yang berlaku setiap hari itu.

Mengapa sebabnya?

Pertubuhan-pertubuhan buruh, kerajaan dan orang ramai sekarang sedang mencari-cari apakah sebab-musabab yang menjadi punca kepada semuanya ini! Apakah sebabnya maka semua golongan mengeluh dan menderita - dan apa pula ikhtiar-ikhtiar yang patut dicari untuk melepaskan

<sup>1</sup>sebuah

<sup>2</sup>asalkan

keluh-kesah yang ada sekarang ini. Inilah perkara-perkara yang saya cuba memberi pendapat dan fikiran di dalam hal ini semoga mendapat perhatian dan kesedaran daripada kerajaan yang memerintah sekarang. Semoga dengan kesedaran itu kelak dapatlah dicari jalan untuk menghadapi masa hadapan kita yang masih jauh dan panjang dan semakin meluas itu.

Untuk ini maka marilah kita mengkaji hal kita, berbalik ke pangkal semula - melihat apa yang telah jadi dan melihat apa-apa kesalahan yang kita buat, jika ia kita pandang satu kesalahan, dan memperbaikinya serta menyusun semula keadaan kita untuk keselamatan seluruh umat Singapura – bukan untuk kemajuan sesuatu parti politik.

Kita sama-sama melihat bahawa untuk merebut kedudukan memegang tampuk kerajaan dalam cara demokrasi ini ialah dengan jalan pilihanraya dan kerana pilihanraya itu sudah barang tentu banyak mempunyai suara pekerja-pekerja dan keluarga<sup>3</sup> dan orang-orang yang kurang pelajarannya, beserta di belakangnya, untuk menegakkan hajat itu seperti yang pernah terberita, digunakan pula geng-geng untuk 'meminta' penduduk mengundi orang-orang yang disukainya.

Kerana banyak buruh-buruh yang menjadi pengundi maka nampaknya, kalau saya tidak khilaf, semenjak daripada kekuasaan buruh itu di tangan pemimpin-pemimpin Buruh maka sudah barang tentu pemimpin-pemimpin itu mengutamakan masalah-masalah buruh seterusnya dengan melupakan sama sekali hakikat adanya Singapura ini: Keadaannya dan kedudukannya serta pergantungannya<sup>4</sup>. Berbagai-bagai Undang-Undang Buruh diadakan: Kerja hanya 44 jam seminggu, 11 hari cuti kelepasan, 7 hari cuti biasa, 26 hari cuti sakit, bayaran

*provident fund* - dan ini dijalankan terus sama ada kepada perusahaan besar atau kecil hingga akhirnya bolehlah dipandang yang berkuasa di dalam tiap-tiap perusahaan itu bukannya yang punya modal tetapi buruh-buruh. Hal ini dirasa dan terasa terutamanya oleh perusahaan-perusahaan kecil atau yang bermodal kecil dan peraturan itu mereka membanting tulang bekerja siang dan malam untuk mencukupi keadaan di dalam perusahaan yang kecil itu kerana jika ia tidak membanting tulang maka gaji-gaji tidak akan terbiar - sedang kerajaan sendiri dipandang mereka tidak sedikit pun melihat dan menyelidiki keadaan perusahaan atau pekedai-pekedai kecil yang banyak di Singapura ini.

44 jam kerja yang ditentukan kerajaan itu yang berjalan di dalam golongan orang-orang Asia tidaklah dapat dicukupi mereka secukup-cukupnya 44 jam, khususnya di dalam perusahaan-perusahaan kecil yang mempunyai 20 atau 30 orang. Kerja-kerja yang didapat dijalankan mereka hanya setinggi-tingginya dalam seminggu di antara 36 dengan 38 jam sahaja - tidak seperti orang-orang di Eropah yang tahu kewajipan dan tanggungjawabnya. Jika majikan berkeras di atas waktunya maka kerja-kerja yang disempurnakan mereka dijalankan tidak akan memuaskan hati dan jika majikan tidak berpuasa hati atas seorang berdua di dalam kerja-kerjanya maka akibatnya kalau cuba diberhentikan diadakan mogok kerja - ataupun mogok dingin iaitu tidak menjalankan kerja-kerja yang dihajat mereka.

Dengan adanya cara-cara ini maka perhubungan di antara majikan dengan buruh sudah tidak seperti dahulu lagi. Buruh menghendaki supaya taraf hidupnya lebih baik, masa bekerja lapang, kerehatan ada iaitu perkara-perkara yang patut bagi mereka diadakan. Ini boleh dilaksanakan

---

<sup>3</sup> kekeluargaan

<sup>4</sup> pergantungannya

oleh perusahaan-perusahaan yang bermodal besar tetapi keadaan ini sulit hendak dilaksanakan oleh perusahaan-perusahaan kecil yang mempunyai tiga atau empat orang penolong-penolongnya atau pun perusahaan-perusahaan kecil yang mempunyai sepuluh, dua puluh atau tiga puluh orang pekerja-pekerjanya kerana modal terhad dan modal perniagannya kecil tak dapatlah ia bergerak dan kerana menunaikan kewajipannya umumnya mereka sendiri membanting tulang dan kerana itulah banyak tanggungan-tanggungan mereka yang tidak dapat ditunaikan.

Di sebalik itu mereka mesti hidup dan mesti berusaha. Kerana menyampaikan usahanya itu mestilah ia mengurangkan kakitangannya kerana masa-masa bekerja dengan gaji yang dibayar tidak mencukupi untuk perbelanjaan sendiri. Akibatnya sesebuah kedai kecil yang mempunyai pekerja 8 orang mengurangkan kakitangannya menjadi tiga atau setinggi-tingginya empat orang sahaja. Kalau ada kerja yang banyak maka mereka membuat kerja itu dengan jalan "borong" kerana ini lebih murah dan tidak ada tanggungjawabnya kepada kerajaan tentang peraturan kerja, *provident fund* dan lain-lain tanggungan.

Dengan ini orang-orang pekerja semakin hari semakin banyak yang tidak bekerja atau pemuda-pemuda yang baharu naik tidak ada orang yang mahu memberi tempatnya berlatih di dalam kedai-kedai atau perusahaan mereka kerana kalau melatih ertinya mereka bertanggungjawab seperti juga buruhnya sendiri.

Jika dahulu perusahaan kecil suka melatih orang tetapi mereka tidak mahu lagi - kerana itu banyakkah pemuda-pemuda yang tidak ada kerja sedang di tempat-tempat kerja sekarang lebih mengutamakan keluarganya sendiri bekerja dengan mereka kerana keluarga itu bukannya sebagai orang gaji tetapi hanya sebagai orang sendiri yang

tidak bergaji tetapi hanya diberi elaun sahaja.

Kalau orang-orang menyelidik pula bagaimana asalnya pekedai-pekedai kecil di Singapura ini tentulah mereka sekata hampir 60 peratus daripada mereka itu asalnyanya daripada buruh yang telah bekerja keras dengan majikan-majikan mereka dahulu dan kerana rajinnya, kerana tidak mengingati masa dan waktu bekerja akhirnya telah pandai, dan dengan pertolongan majikannya mereka membuka usaha-usaha kecil dengan ia dijamin oleh majikan mereka mengambil barang-barang daripada perusahaan lain. Ertinya kebanyakan mereka yang bekerja bersungguh sambil berlatih.

Tetapi dengan adanya peraturan buruh sekarang cara itu tidak lagi ada bahkan buruh itu sendiri sekarang bekerja hanya tahu gaji mereka sahaja yang dapat sedang tidak melihat sama sekali kepayahan-kapayahan majikannya dan akhirnya tidak ada lagi perhubungan baik di antara buruh dengan majikan pada hal dengan tidak ada majikan maka tidak ada buruh.

Dengan adanya peraturan-peraturan buruh ini pula usaha-usaha yang ada berjalan pun tidak ada orang yang mahu membesarkan usahanya kepada mereka mencari jalan mengecilkan usaha itu kerana mereka dapati kerajaan tidak sedikit pun memberi bantuan atau memberi galakan kepada mereka kerana nampaknya kerajaan Singapura memandang perusahaan itu hanya terletak di dalam perusahaan-perusahaan yang bermodal besar dengan melupakan bahawa berpuluh-puluh ribu orang buruh bergantung kepada perusahaan kecil yang dipaksa juga membayar *provident fund* sedang wang-wang yang dikumpul oleh *provident fund* itu pun yang telah meningkat \$72,000,000 itu tidak sedikit pun di cari jalan untuk memberi bantuan kepada perusahaan kecil supaya usahanya menjadi maju dan jaya.

Akibat daripada kerajaan menjalankan dasar berat sebelah - mengutamakan buruh semata terjadilah perkara-perkara ini:

1. Perusahaan yang ada mengecilkan usahanya.
2. Yang ada cukup modal menutup perusahaannya.
3. Mengurangkan kakitangan beberapa banyak yang boleh
4. Menutup pintu untuk melatih baharu
5. Mengutamakan saudara sendiri - daripada orang lain
6. Membuat kerja dengan jalan borongan
7. Pekerja-pekerja yang tidak bekerja semakin banyak
8. Kanak-kanak yang baharu berpuluh-puluh ribu yang tidak bekerja
9. Menumbuhkan banyaknya orang-orang jahat
10. Keamanan negeri tidak terjamin - rompak semakin berlaku

dan banyak lagi sedang sebahagian buruh-buruh mendapat apa yang dikehendakinya dengan berdiri di belakangnya beberapa anasir mendapat sedikit kesenangan tetapi melupakan bahawa beratus-ratus ribu orang menderita kerana tidak bekerja.

Orang-orang yang ada mempunyai modal tidak akan mahu menanam modalnya di dalam sesuatu perusahaan yang banyak menggunakan buruh kerana ertinya bagi mereka bukannya sahaja modalnya tidak terjamin tetapi ia tidak senang tidur sebab kelak belum pun lagi mendapat untung buruh telah menghendaki kenaikan gaji dan

berbagai-bagai lagi.

Bagi pemodal-pemodal ini lebih senang mereka membungakan wangnya daripada mereka menanam modal di dalam perusahaan baharu. Oleh itu saya berpendapat jika cara-cara peraturan buruh tidak disusun semula sesuai dengan keadaan negeri ini - hal-hal pemodal kecil tidak ditimbangkan ertinya perkara-perkara yang ditakuti oleh Ketua Menteri sendiri tidak akan hapus - ertinya orang-orang yang tidak bekerja semakin bertambah yang ertinya kekacauan-kekacauan sentiasa berlaku dan keamanan tidak terjamin !

Kitab-kitab mengenai sembahyang	
1. Ibadat Rasulullah (SAW)	\$ 3.00
tambah belanja pos 20 sen	
2. Pelajaran sembahyang (Allahu Akbar)	\$ 1.20
3. Pelajaran sembahyang (Allahu Akbar)	
Mengenai: Imam, makmum, masbuq dan lain-lainnya.	
	\$ 1.20
4. Mari Sembahyang (Buat Lelaki)	\$ 1.20
5. “ “ (Buat Perempuan)	\$ 1.20
dari 2, 3, 4 dan 5 pesanan hendaklah tambah belanja pusat 10 sen tiap-tiap naskhah.	
Inilah di antara buku-buku pelajaran agama yang mudah sekali dipelajari. Pesan kepada:	
QALAM	
356/8, Geylang Road	
Singapore 14.	